

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI  
[LABUAN - BN]**

**SOALAN NO. 391**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah tahap persediaan kontinjen negara bagi mengharungi Sukan Komanwel 2018 Gold Coast dan berapakah jumlah atlet yang telah layak secara merit ke kejohanan tersebut.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Sukan Negara (ISN) di bawah Program Podium akan memastikan persiapan ke Sukan Komanwel XXI, Gold Coast 2018 pada 4 hingga 15 April disusun rapi melalui pasukan sokongan sains dan perubatan sukan termasuk program '*performance lifestyle*' bagi memastikan atlet mengikuti jadual latihan dan pertandingan termasuk diterapkan dengan '*winning mentality*'.
2. Program Podium akan mengambil inisiatif mewujudkan pelan bagi persediaan ke Sukan Komanwel. Semua atlet yang terpilih akan mendapat sokongan program Podium tidak mengira mereka adalah atlet Podium atau tidak. Perkhidmatan sokongan disediakan dalam aspek saintifik/perubatan sukan secara komprehensif kepada atlet termasuk analisis prestasi sukan, suaian fizikal, biomekanik, pemakanan sukan, psikologi sukan, prestasi gaya hidup, rawatan dan fisioterapi sukan, terapi tisu lembut.
3. Di samping itu, prestasi atlet Malaysia dan pihak lawan dipantau untuk mengesan kemajuan atlet dalam merealisasikan pencapaian 10 teratas di Sukan Komanwel 2018 dengan sekurang-kurangnya memenangi 10 pingat Emas.

**SULIT**

4. Kerjasama rapat dengan persatuan-persatuan sukan mengenai pengurusan prestasi individu untuk diaplikasikan. Melalui kaedah ini struktur latihan dan jadual pertandingan disediakan lebih awal oleh pasukan sains dan perubatan sukan dengan memberi keutamaan penggunaan teknologi dan inovasi terkini di mana atlet-atlet akan dipantau rapi melalui Sistem Pengurusan Atlet (AMS).
5. Program latihan di luar negara juga diteruskan bagi memastikan atlet mendapat pendedahan di luar negara untuk memanfaatkan persaingan yang kompetitif serta membolehkan atlet mempamerkan prestasi puncak dan berdaya saing setaraf dengan atlet-atlet bertaraf antarabangsa.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini senarai awal atlet menyenaraikan seramai 78 atlet telah layak secara merit iaitu terlibat sukan ragbi lelaki (7 sebelah), hoki (lelaki dan wanita), angkat berat, bola keranjang (wanita) dan atlet para. Manakala seramai 98 atlet disenaraikan melalui pemilihan yang ditetapkan oleh Majlis Olimpik Malaysia. Namun begitu, senarai akhir atlet hanya akan dimaklumkan oleh Majlis Olimpik Malaysia pada bulan Mac nanti.

Sekian, terima kasih.